

28 JUN 2001

Mahathir - Benci

PERDANA MENTERI MINTA ORANG MELAYU DAN CINA TIDAK TERPERANGKAP

PULAU PINANG, 28 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta orang Cina dan Melayu supaya tidak terperangkap dalam percubaan DAP dan Pas yang menimbulkan kebencian terhadap kerajaan dan Barisan Nasional (BN).

Sebenarnya, Perdana Menteri berkata kerajaan dan BN bertindak cukup adil dengan memberi layanan yang saksama kepada semua kaum di negara ini.

Ketika berucap pada majlis perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin BN negeri di sini malam ini, Dr Mahathir berkata, DAP yang kehilangan pemimpin besar yang tewas dalam pilihan raya umum 1999 yang lepas telah memeras otak agar masyarakat Cina membenci kerajaan.

Segala apa yang dilakukan oleh kerajaan seperti kecambahnya terhadap sekumpulan orang Cina yang "extreme" yang membuat tuntutan menyakiti orang Melayu sebagai komunis, dijadikan isu yang ditafsirkan sebagai kecaman kepada orang Cina keseluruhannya, katanya.

Menurut beliau, isu lain seperti isu sekolah Damansara, sekolah wawasan, dan isu pengambilalihan akhbar Nanyang Siang Pau dan China Press oleh MCA turut dijadikan isu agar orang Cina membenci kerajaan.

Sementara itu, Dr Mahathir mengingatkan orang Melayu agar berwaspada dengan dakwah Pas yang sentiasa menentang apa sahaja pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Katanya, jika membina jalan tar di dalam kampung, mereka akan berkata jalan tar itu tidak boleh dimakan malah menggunakannya untuk menjemur padi.

Sejak Pas memerintah Kelantanpun, tidak terdapat air yang bersih untuk diminum dan oleh itu rakyat harus sedar apakah wajar parti itu diberi peluang untuk memerintah sedangkan mereka tidak tahu mensyukuri nikmat, katanya.

Menurutnya, Pas juga menimbulkan kebencian kepada kerajaan dan Umno dengan menghasut kanak-kanak bermula dari peringkat tabika lagi.

"Apabila anak mereka melanjutkan pelajaran ke universiti, mereka mengambil biasiswa yang ditawarkan kerajaan tetapi kemudian memaki hamun kerajaan," katanya.

Dr Mahathir berkata, perkara ini dilakukan agar apabila pilihan raya diadakan pada tahun 2004 atau 2003 kelak, orang Cina dan Melayu akan menolak BN manakala pemimpin besar DAP, Lim Kit Siang dan Karpal Singh, akan menang semula pada pilihan raya itu.

Sehubungan itu, Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN menggesa semua parti-parti komponen BN supaya bergerak dalam satu badan yang mempunyai pakatan yang teguh.

Katanya, perkar seperti pembahagian kerusi dan pelantikan jawatan janganlah dipertikaikan kerana semua pemimpin parti komponen mesti ada persefahaman dan kerjasama yang rapat.

"Jika perkara itu menjadi pertengkaran, kita akan jadi lemah dan kalah di dalam pilihan raya," katanya sambil meminta juga BN Pulau Pinang supaya merapatkan barisan dan berpegang kepada konsep untuk membantu sesiapa sahaja yang menjadi calon BN pada pilihan raya umum akan datang.

Katanya parti pembangkang cuba meniru persefahaman dan konsep BN tetapi pada hakikatnya mereka gagal berbuat demikian dan sebagai bukti Karpal Singh sering mempertikaikan kenyataan (Menteri Besar Terengganu) Andul Hadi Awang.

-- BERNAMA

AHM+AZE FAZ

